
WIKIPEDIA

Brachiosaurus


Brachiosaurus yang maksud harfiahnya "Cicak Bertangan" (bahasa Yunani: *brachion* / βραχιων (tangan) dan *sauros* / σαυρος (cicak)) ialah genus dinosaur sauropod yang hidup pada Zaman Jura Akhir. Ia dinamai sedemikian kerana anggota depannya lebih panjang daripada anggota belakang. Sebagai salah satu haiwan terbesar yang pernah berjalan di bumi ini, *Brachiosaurus* telah menjadi salah satu dinosaur yang termasyhur dan telah diiktiraf secara meluas di seluruh dunia.

Brachiosaurus	
	
Pengelasan saintifik	
Alam:	Haiwan
Filum:	Kordata
Subfilum:	Vertebrat
Kelas:	Reptilia
Order:	Saurischia
Keluarga:	Brachiosaurid
Genus:	***Brachiosaurus*** B. atalaiensis, dll.
Spesies:	***B. altithorax***
Nama binomial	
Brachiosaurus altithorax ***Brachiosaurus brancai***	

Selama banyak dekad, *Brachiosaurus* merupakan dinosaur terbesar yang diketahui. Bagaimanapun, sebilangan titanosaur, umpamanya *Argentinosaurus*, telah ditemui yang mengatasi saiz *Brachiosaurus*. Lebih terkini, lagi seekor brachiosaurid, *Sauroposeidon*, juga telah ditemui; berdasarkan bukti fosil yang tak lengkap, ia mungkin lebih berat daripada *Brachiosaurus*.

Brachiosaurus sering dianggap sebagai dinosaur terbesar yang diketahui, berdasarkan rangka fosil yang agak lengkap. Bagaimanapun, spesimen yang paling lengkap, termasuk *Brachiosaurus* di Muzium Humboldt, Berlin (diekskavasi di Afrika, dan yang merupakan rangka terpasang yang tertinggi di dunia), ialah ahli-ahli spesies *B. brancai* yang telah dianggap oleh sesetengah ahli sains sebagai sebahagian *Giraffatitan*, jenis yang tersendiri. Bahan holotip spesies jenis *B. altithorax* termasuk jujukan tujuh vertebra dorsal posterior, sakrum, vertebra kauda proksimal, korakoid, humerus, femur, dan rusuk yang mencukupi untuk menganggar saiznya.

Berdasarkan rangka komposit yang lengkap, tingginya *Brachiosaurus* 25 meter (82 kaki) dan mungkin berupaya untuk menaikkan kepalanya sehingga lebih kurang 13 meter (42 kaki) dari aras tanah. Bahan-bahan serpihan daripada spesimen-spesimen yang lebih besar menunjukkan bahawa dinosaur ini berupaya bertumbuh 15% lebih panjang daripada ukuran ini. Bahan-bahan tersebut termasuk fibula HMN XV2 terasing yang panjangnya 1340 sentimeter serta brakiosaurid skapulokorakoid yang dirujuk sebagai *Ultrasauros*.



Pembandingan saiz antara *Brachiosaurus* dan manusia.

Berat *Brachiosaurus* telah dianggar di sekitar 15 tan (Russell *et al.*, 1980) dan 78 tan (Colbert, 1962). Anggaran-anggaran berketerlaluan ini boleh dibiarkan kerana anggaran Russell *et al.* berdasarkan alometri tulang anggota dan bukannya model badan, manakala anggaran Colbert berdasarkan suatu model yang luput dan terlalu berat. Anggaran-anggaran yang lebih terkini yang

berdasarkan model-model yang dibina semula daripada osteologi dan perototan tersimpul adalah antara 32 tan (Paul 1988) hingga 37 tan (Christiansen 1997). Spesimen-spesimen tersebut yang 15% lebih panjang membayangkan berat antara 48 hingga 56 tan.

Lihat juga

- Haiwan pupus dalam kebudayaan popular: Brachiosaurus

Rujakan

- Laman web *DinoData*: Brachiosaurus (http://www.dinodata.org/index.php) – pendaftaran diperlukan, tetapi adalah percuma)
- Muzium Sejarah Semula Jadi: Brachiosaurus (http://internt.nhm.ac.uk/jdsml/nature-online/dino-directory//detail.dsml?Genusqtype=starts+with&disp=gall&identifier=brach&sort=Genus&dataHeaderText_EX=dinosaurs+beginning+with+%27B%27&Genus=B&beginIndex=6&listPageURL=nameAZ%2edsml%3fGenusqtype%3dstarts%2bwith%26disp%3dgall%26sort%3dGenus%26Genus%3)

Pautan luar

- Laman *Muzium Field*: Kekagumum pelancong dijangka (http://www.fieldmuseum.org/museum_info/press/press_brachiosaurus.htm) – model di Lapangan Terbang O'Hare
- Laman web *Dinosaurier* (http://dinosaurier-web.de/galery/pages_b/brachiosaurus.html) – huraian dan halaman fakta boleh cetak, dengan gambar (dalam bahasa Inggeris dan Jerman)